

3 November 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Pensijilan MSPO Bagi Boustead Plantation Berhad – Kilang Kelapa Sawit Segaria dan ladang-ladang, Semporna, Sabah, Malaysia**

Boustead Plantation Berhad telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Segaria dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 1 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Semporna, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Kilang Kelapa Sawit Segaria pada 5 & 6 Disember 2017. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-3:2013 – *General principles for oil palm plantations and organized smallholders* & MS 2530-4:2013 – *General principles for palm oil mills*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit pensijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Segaria dan ladang-ladang</b>	
Nama unit pengurusan	Kilang Kelapa Sawit Segaria
Alamat lokasi	91308, Semporna, Sabah
Ladang	Segaria
Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	4,465.10 ha
Standard yang digunakan	MS 2530-3:2013 & MS 2530-4:2013 boleh dibeli secara atas talian di ( <a href="http://www.msonline.gov.my/catalog.php">http://www.msonline.gov.my/catalog.php</a> )

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Segaria dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, Sosial) **En Hafrizahar Mohd Mokhtar** ( GHG, Alam Sekitar, Aspek Undang-undang & sosial) dan **Cik Hu Ning Shing** sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang, Biodiversiti, Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Operasi**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU**

**Auditee:**

En Anuar Semail  
RSPO Chairman  
Boustead Plantation Berhad  
11<sup>th</sup> Floor, Menara Boustead  
69, Jalan Raja Chulan  
50900 Kuala Lumpur  
Fax : +603-2141 0693  
Email : [anuar.bea@boustead.com.my](mailto:anuar.bea@boustead.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Operasi